

Kajian *Systematic Literature Review* (SLR) Menggunakan PRISMA Berkaitan Penulisan Hadis Nusantara Di Malaysia

Systematic Literature Review (SLR) Using PRISMA Study Related to Hadith Writing in the Malay Archipelago in Malaysia

Abdul Hadi Awang*¹, Farhah Zaidar Mohamed Ramli¹

¹ Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia.

* Corresponding Author: Abdul Hadi Awang, Jabatan al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia. Email: abdulhadi@uis.edu.my. No. telefon: 6017 4740134. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0001-9224-5934>.

Keywords:

Hadith of the Malay Archipelago; Hadith Writing; systematic literature review (SLR), PRISMA

ABSTRACT

Many studies have been conducted on works and figures of hadith written by scholars in the Malay Archipelago. These studies show that hadith works and figures have existed since the 17th century CE. Additionally, the studies also indicate that the science of hadith was not marginalized in the writings of Malay scholars, despite the region being more renowned for its focus on the study and writing of fiqh, aqidah, and tasawwuf. These studies also prove that Malay scholars disseminated the knowledge of hadith not only through teaching but also through writing. This systematic literature review (SLR) using Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-analyses (PRISMA) method as a guideline for systematic data collection. The selected articles timeframe is from 2014 to 2024 related to hadith in the Malay Archipelago in Malaysia from the Google Scholar database. The collected articles were then scrutinized to ensure that the selected articles met the focus of the study. A total of 27 out of 44 articles were chosen for discussion in this study. Overall, the study shows that there are six themes that can be classified concerning previous research themes on hadith writing in the Malay Archipelago. These themes are: 1) the history of the development of hadith works, 2) methodology of hadith writing / mustalah hadith, 3) hadith commentary / fiqh al-hadith, 4) translation, 5) figures, and 6) hadith chains (sanad). Therefore, the study shows that research and writing related to hadith in the Malay Archipelago are still relevant by highlighting contemporary works and figures in Malaysia.

Kata Kunci:

Hadis Nusantara; Penulisan hadis; systematic literature review (SLR), PRISMA

ABSTRAK

Banyak kajian telah dilakukan terhadap karya dan tokoh hadis yang ditulis oleh ulama di Nusantara. Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa karya dan tokoh hadis telah wujud sejak abad ke 17M lagi. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa ilmu hadis tidak dipinggirkan dalam penulisan oleh ulama Melayu, walaupun rantau Nusantara lebih terkenal dengan penumpuan terhadap pengajian dan penulisan dalam bidang fiqh, akidah, dan tasawuf. Kajian-kajian ini juga membuktikan bahawa ulama Melayu tidak hanya menyebarkan ilmu hadis melalui pengajaran, tetapi juga melalui

penulisan. Kajian *systematic literature review* (SLR) menggunakan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-analyses* (PRISMA) sebagai garis panduan untuk pengumpulan data secara sistematik. Jangka masa arikel yang dipilih adalah dari tahun 2014 hingga 2024 berkaitan hadis Nusantara di Malaysia daripada pangkalan data *Google scholar*. Artikel yang telah dikumpul kemudian diteliti bagi memastikan artikel yang dipilih menepati fokus kajian. Sebanyak 27 daripada 44 artikel telah dipilih untuk dibincangkan dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan bahawa terdapat enam tema yang boleh diklasifikasikan berkenaan tema kajian lepas tentang penulisan hadis Nusantara. Tema tersebut ialah; 1) sejarah perkembangan karya hadis, 2) metodologi penulisan hadis / mustalah hadis 3) syarah hadis / fiqh hadis 4) terjemahan 5) tokoh dan 6) sanad hadis. Oleh yang demikian, kajian menunjukkan kajian dan penulisan berkaitan hadis di Nusantara masih relevan dengan mengetengahkan karya dan tokoh kontemporari di Malaysia.

Received: August 20, 2024

Accepted: May 23, 2025

Online Published: June 30, 2025

1. Pendahuluan

Banyak kajian telah dilakukan terhadap tokoh dan kitab hadis yang ditulis oleh ulama Melayu di Nusantara. Kajian menunjukkan bahawa tokoh dan ilmu hadis tidak dipinggirkan dalam penulisan oleh ulama Melayu, walaupun rantau Nusantara lebih terkenal dengan penumpuan terhadap pengajian dan penulisan dalam bidang fiqh, akidah, dan tasawuf. Kajian-kajian ini juga membuktikan bahawa ulama Melayu tidak hanya menyebarkan ilmu hadis melalui pengajaran, tetapi juga melalui penulisan. Alam Melayu merujuk kepada bangsa Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai perantaraan walaupun berlainan negara. Nik Hassan Suhaimi (2011) menyatakan terdapat berbagai pendapat tentang asal usul Melayu tetapi UNESCO pada tahun 1972 telah mentakrifkan Melayu sebagai suku bangsa Melayu di Semenanjung Malaysia, Thailand, Indonesia, Filipina dan Madagaskar.

Kemasukan Islam ke Alam Melayu atau Nusantara pada kurun ke 7 M atau 8 M menurut sejarawan tempatan menyebabkan banyak perubahan dalam masyarakat terutamanya. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, kedatangan Islam telah memberi impak yang sangat besar dengan mengubah struktur masyarakat, budaya dan kepercayaan masyarakat Melayu. Perkembangan Islam bukan hanya melalui usaha dakwah semata-mata tetapi melalui faktor lain seperti penulisan, pendidikan dan kesusasteraan. Namun, penulisan di Alam Melayu hanya berlaku pada kurun ke 12 M dengan terhasilnya kitab tasawuf dan falsafah ketuhanan yang bertajuk *Bahr al-Lāhūt* oleh Shaykh Abd Allah 'Arif (Rosni, 2014).

Tokoh dan karya hadis hanya muncul pada pertengahan kurun ke 17 M apabila terhasilnya karya *al-Fawā'id al-Bahiyah* oleh Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīri yang merupakan karya hadis yang pertama dihasilkan di Nusantara dan diikuti oleh *Sharḥ al-Laṭīf* oleh 'Abd al-Rauf al-Fansuri yang dinobatkan sebagai karya *sharḥ al-arba'īn al-Nawawīyyah* dalam bahasa Melayu yang pertama sekali dihasilkan (Rosni, 2014). Kemunculan tokoh-tokoh dan penerbitan karya-karya baharu berkaitan hadis di rantau Nusantara terus berkembang dari semasa ke semasa, sekali gus menunjukkan bahawa penulisan dalam bidang ini masih giat dijalankan. Dalam masa yang sama, tokoh-tokoh dan karya-karya terdahulu turut mendapat perhatian berterusan daripada para pengkaji. Hal ini demikian kerana terdapat pelbagai dimensi dan ruang kajian yang masih boleh diterokai, sama ada berkaitan tokoh dan karya yang bersifat klasik mahupun kontemporari. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi menganalisis perkembangan penulisan hadis di Nusantara, khususnya di Malaysia.


2. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan *Systematic Literature Review* (SLR) sebagai metodologi utama. Pendekatan ini digunakan untuk menganalisis secara menyeluruh kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan penulisan hadis di Nusantara, khususnya di Malaysia. Sumber literatur yang digunakan dalam kajian ini meliputi tempoh sepuluh tahun terakhir, iaitu dari tahun 2014 hingga 2024, dan

diperoleh daripada pangkalan data *Google Scholar*. Pelaksanaan SLR dalam kajian ini merangkumi aspek latar belakang, permasalahan kajian, metodologi dan dapatan kajian. Setiap kajian terdahulu yang dipilih dianalisis dan disusun berdasarkan isu-isu utama dalam bidang penulisan hadis di Nusantara. Hanya artikel yang menepati persoalan dan objektif kajian akan dimasukkan ke dalam analisis, manakala karya yang tidak relevan dikecualikan.

Sebanyak 44 artikel telah dikenal pasti melalui carian awal menggunakan kata kunci seperti '*penulisan hadis Nusantara*', '*tokoh hadis Nusantara*', dan '*Malaysia*'. Kata kunci ini dirangka berdasarkan prinsip PRISMA yang digunakan secara meluas dalam pelaksanaan SLR oleh penyelidik kontemporari (Tedja et al., 2024; Arbaiah et al., 2022). Setelah diteliti melalui semakan tajuk dan abstrak, 38 artikel telah dikenal pasti sebagai berpotensi untuk dianalisis. Namun, selepas penilaian kandungan yang lebih mendalam, hanya 27 artikel dipilih untuk dianalisis secara terperinci dalam kajian ini. Pemilihan ini dibuat berdasarkan ketepatan fokus artikel terhadap permasalahan kajian, pendekatan metodologi, dan dapatan yang diperoleh. Secara keseluruhannya, kaedah SLR yang digunakan dalam kajian ini membolehkan penyelidik mengenal pasti perkembangan, kecenderungan serta jurang dalam penulisan berkaitan hadis di Malaysia, seterusnya menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam dalam bidang ini.

Rajah 1: Carta PRISMA



3. Dapatan Kajian

Sebanyak 27 artikel telah dikenalpasti mempunyai kaitan dengan kajian penulisan hadis Nusantara di Malaysia. Dapatan yang diperolehi telah diringkaskan secara bersistematik seperti Jadual 1.

Jadual 1: Analisis Artikel

BIL	TAJUK	ISU	METODE	DAPATAN	SUMBER
1	Sorotan Terhadap Perkembangan Karya-Karya Islam Dan Hadis Di Nusantara. (Rosni Wazir,	Penulisan menyorot sejarah perkembangan karya-karya Islam ini bermula dari kurun ke 12 sehingga kurun ke 21, serta secara	Kualitatif	Hanya pada pertengahan kurun ke 17M, karya hadis yang pertama sekali dihasilkan iaitu al-Fawa'id al-Bahiyyah oleh Sheikh Nur al-Din al-Raniri dan diikuti oleh Sharh al-Latif oleh 'Abd al-Rauf al-Fansuri. Karya ini	Prosiding RECIT 2014

	2014)	ringkasnya pada karya hadis bermula dari bentuknya yang ringkas dan minimal kepada bentuk kemasan yang bercetak dan tebal; bermula dengan bahasa asing kepada terjemahan dan akhirnya dalam bahasa ibunda.		pula dinobatkan sebagai karya sharh al-Arba'in al-Nawawiyyah dalam bahasa Melayu yang pertama sekali dihasilkan. Pada kurun ke 19M pula, teknologi penerbitan mula berkembang dan melahirkan syarikat-syarikat penerbitan berpusat di Alam Melayu sendiri. Kemunculan pondok-pondok, madrasah, pesantren, pengajian di masjid dan surau di serata tempat yang menjadikan karya-karya ini sebagai teks utama telah mendorong perkembangan yang lebih pesat.	
2	Penulisan Dan Pengumpulan Karya Hadis 40 Oleh Ulama Alam Melayu. (Rosni Wazir Mohd. Khafidz Soroni Suriani Sudi, 2015)	Penulisan ini akan menyoroti karya-karya hadis 40 dalam bahasa Melayu-Jawi ini dan menumpukan kepada metodologi, kecenderungan serta ciri-ciri yang ada padanya.	Kualitatif	Karya berbentuk hadis 40 ini mempunyai pelbagai metodologi, kecenderungan dan tujuan, namun tidak dapat dinafikan bahawa karya al Arba'in al-Nawawiyyah mengambil alih pentas utama. Sebahagian besar penulis lebih cenderung untuk membuat huraian terhadap karya terkenal al-Nawawi ini berbanding membuat himpunan 40 buah hadisnya sendiri.	Prosiding Persidangan Antarabangs a Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2015 (PANTUM N 2015)
3	<i>Fiqh al-Hadith</i> Abdul Halim al-Hadi dan Sumbangannya dalam Bidang Hadith: Tumpuan kepada Kitab <i>Ilhām al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i> Bahasa Melayu. (Nur Hidayu Jamalluddin & Faisal Ahmad Shah, 2015)	Abdul Halim al-Hadi ialah seorang tokoh Melayu yang pernah memberi sumbangan dalam bidang pengajian hadith di Nusantara. Tokoh berkelahiran Pulau Pinang ini merupakan antara pelopor atau individu terawal yang mensyarahkan hadith-hadith di dalam kitab Ṣaḥīḥ al-Bukhārī.	Kajian kualitatif menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif.	Pengarang kitab <i>Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i> Bahasa Melayu mensyarah hadith Ṣaḥīḥ al-Bukhārī secara ijmālī (ringkas), serta menjadikan kitab <i>Fath al-Bārī</i> dan <i>Irshād al-Sārī</i> sebagai rujukan utama dalam syarahan beliau. Kitab ini juga turut memberi kemudahan dan manfaat kepada masyarakat dalam mempelajari memahami hadith-hadith Ṣaḥīḥ al-Bukhārī.	Jurnal Usuluddin
4	Metodologi Hadis dalam Karya Al-Bayan Pada	Kertas kerja ini bertujuan membincangkan isu dan metode	Kajian kualitatif ini mengadaptasikan kaedah sejarah, kajian teks dan	Berdasarkan kepada keseluruhan penelitian dan pengkajian terhadap metodologi penulisan hadis	Jurnal Perspektif

	<i>Ta'wil Ayat-Ayat Quran</i> Karangan Abdul Aziz Salam. (Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Mustaqim Mohd Zarif & Mohamad Rozaimi Ramle, 2017).	penulisan hadis dalam sebuah karya tafsir al Quran yang dihasilkan oleh seorang tokoh ulama Perak pada abad ke-20 iaitu al-Bayan pada Ta'wil Ayat-ayat al Quran karangan Abdul Aziz Salam (m.1978)	penilaian hadis berdasarkan prinsip-prinsip dalam bidang ilmu mustalah al-hadith	dalam karya <i>al-Bayan pada Ta'wil Ayat-ayat al-Quran</i> karangan Abdul Aziz Salam, dapat dirumuskan ketokohan pengarangnya dalam memilih, menilai dan memetik hadis-hadis yang dimuatkan dalam karyanya ini. Keutamaan kepada hadis-hadis yang maqbul yang dirujuk daripada sumber-sumber rujukan yang muktabar. Dari aspek penulisan dan penyampaian hadis pula, Abdul Aziz turut mempamerkan metodologinya yang tersendiri terutamanya penekanannya terhadap sanad yang disertakan secara lengkap bagi kebanyakan hadis yang dipetik dalam karyanya ini.	
5	Analisis Penulisan Hadis dalam Kitab Jawi: Kajian Terhadap Kitab <i>Bisharah al-Amilin wa Nadharat al-Ghafilin</i> Karya Ahmad al-Fatani. (Nur Sakinah binti Mohd Yassin, Mohd Muhiden Abdul Rahman, Mohd Alwee Yusoff, 2017)	Dalam kerangka ini, makalah ini menganalisis secara terperinci metodologi penulisan kitab dan penulisan hadis kitab <i>'Bisharah Al-Amilin Wa Nadharat Al-Ghafilin'</i> yang telah dikarang oleh Syeikh Ahmad al-Fatani.	Kualitatif	Penulisan hadis yang terdapat dalam kitab <i>Bisharah al-Amilin Wa Nadharat Al-Ghafilin</i> majoritinya adalah berbentuk terjemahan sahaja tanpa ulasan daripada pengarang. Aspek sanad dan matan serta status hadis amat kurang diberi perhatian.	Al-Basirah
6	Analisis Penulisan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin Dalam Kitab <i>Ta'yid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah</i> . (Faisal @	Artikel ini akan menumpukan kepada analisis metode penulisan kitab <i>Ta'yid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al Rad 'Ala al-Qa'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah</i> .	Kualitatif	Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin seorang tokoh ulama yang berwibawa dan mempunyai ilmu pengetahuan yang luas. Beliau juga seorang tokoh reformis Islam dunia Melayu yang dihormati dalam kalangan ulama serta masyarakat setempat di alam Melayu. Beliau dilihat berani menegakkan yang hak dan	Jurnal al-Tamaddun

Ahmad Faisal
 Bin Abdul
 Hamid &
 Mohd Puaad
 Bin Abdul
 Malik, 2017).

membongkarkan kebatilan sehingga pernah disisihkan oleh golongan Istana dan bangsawan. Justeru, berdasarkan keilmuan, kepribadian dan ketokohan serta kekuatan peribadinya, melayakkan beliau digelar seorang yang berpegang kepada prinsip Muslih (Reformis) pada zamannya.

7	Peranan Tulisan Jawi Dalam Penulisan Hadith Di Nusantara. (Siti Zahidah Kosran, Latifah Abdul Majid & Ahamad Asmadi Sakat, 2017)	Kajian ini mempunyai signifikan yang tinggi. Pertama, untuk mengenal pasti sejauh mana tulisan Jawi memberi kesan terhadap aktiviti penulisan hadith. Kedua, mengetengahkan karya-karya terjemahan hadith dalam tulisan Jawi yang dihasilkan oleh para ulama Nusantara.	Kaedah analisis kandungan terhadap beberapa dokumen yang berkaitan telah digunakan bagi mendapatkan data dan dianalisis secara persejarahan	Penulisan-penulisan hadith terjemahan bertulisan Jawi yang membantu memudahkan lagi proses keilmuan dan pembentukan pemikiran Islam dalam kalangan masyarakat. Jelas di sini bahawa tulisan Jawi berjaya menjadi bahasa ilmu dan sebagai alat terjemahan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu.	Jurnal al-Turath
8	Jaringan Keilmuan Hadis Dan Karya-Karya Hadis Di Nusantara. (Ahmad Levi Fachrul Avivy, 2018)	Artikel ini cuba memaparkan perkembangan pengajian hadis serta peranan institusi pendidikan di Haramain yang telah berjaya melahirkan ramai ilmuan Islam Nusantara. Selain itu, artikel ini ingin menggali khazanah keilmuan para ilmuan Nusantara silam khususnya dalam bidang hadis serta jaringan keilmuan di kalangan ulama Nusantara	Metodologi kajian kepustakaan. Pengumpulan data merupakan antara metode yang paling banyak digunakan bagi mencari data-data atau fakta yang berhubungkait dengan subjek kajian.	Kajian mendapati bahawa penerbitan karya hadis di Nusantara ditandai dengan lahirnya kitab <i>Sharh al-Latif 'ala Arbain Hadith</i> karangan Syeikh Abd al-Rauf al-Fansuri. Selepas itu banyak karya-karya hadis yang dihasilkan oleh para ilmuan Nusantara sehinggalah kitab <i>Misbah al-Zalam Sharh Bulugh al-Maram</i> yang dikarang oleh Syeikh Muhammad Muhajirin Amsar. Selain itu, artikel ini juga membuktikan adanya ketersambungan sanad keilmuan antara para Ulama Nusantara dalam kalangan mereka sehingga membentuk satu jaringan keilmuan. Bahkan ada dikalangan mereka ada yang diakui sebagai muhaddith unggul seperti Syeikh Mahfuz al-Tarmasi dan Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani.	Journal Hadis

9	Peranan dan Sumbangan Mahmud Yunus (m. 1983) dalam Ilmu Mustalah al-Hadith di Alam Melayu. (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, 2018)	Penghujung abad ke-19 sahaja dapat diperhatikan bibit perkembangannya menerusi penghasilan karya yang khusus oleh para ilmuwan tempatan seumpama Syeikh Nawawi Banten (m. 1897), Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (m. 1920), Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy (m. 1975), Mahmud Yunus (m. 1983) dan sebagainya. Oleh yang demikian, makalah ini adalah untuk menganalisis peranan dan sumbangan Mahmud Yunus dalam mengembangkan ilmu <i>Mustalah al-Hadith</i> di Alam Melayu.	Kajian kualitatif yang berteraskan metode kajian sejarah dan analisis teks ini merangkumi perbincangan metode, kandungan dan stail pengarang selain biografi pengarangnya.	Beliau mempelopori dan mengembangkan pemikiran moden dalam memahami ilmu mustalah al-hadith menerusi pandangan dan hujahannya dalam beberapa isu pokok seperti yang telah dibincangkan. Berdasarkan sumbangan, peranan dan pengaruhnya inilah adalah wajar untuk mengiktiraf beliau sebagai salah seorang pemikir dan tokoh penting yang telah banyak menyumbang kepada pengembangan pemikiran dan pendidikan ilmu mustalah al hadith di Alam Melayu pada abad ke-20.	Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah
10	Salasilah Sanad Al-Kutub Al-Sittah Tokoh Al-Musnid Melayu Nusantara Syeikh Muhammad Mahfuz Al-Tarmasi (1868-1920m). (Farhah Zaidar Mohamed Ramli & Siti Zaharah Abdul Hamid, 2018)	Syeikh Muhammad Mahfuz bin Abdullah bin Abdul Mannan al-Tarmasi merupakan tokoh al-musnid melayu nusantara terbilang abad 20 masihi. Namun makalah ini bertujuan hanya untuk mendetailkan rantaian salasilah sanad al-kutub al-sittah menerusi periwayatan tokoh.	Metode analisa kandungan terhadap karya al-thabat tokoh berjudul <i>Kifayah al-Mustafid lima 'ala min al-Asanid</i> . Analisis data dilakukan secara deskriptif.	Dapatan menunjukkan tokoh meriwayatkan salasilah sanad al kutub al-sittah daripada tiga orang guru berantain sehingga sampai kepada penyusun penyusun asal karya-karya tersebut. Syeikh Abi Bakr al-Syatta al-Makki dikenal pasti sebagai guru riwayat utama berasaskan penemuan jalur periwayatan terbanyak yang melibatkan kitab Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim dan Sunan Ibn Majah. Salasilah sanad al kutub al-sittah ini diriwayatkan menerusi metode <i>al-sama'</i> dan <i>al-ijazah</i> .	Prosiding 4th International Conference On Islamiyyat Studies 2018
11	Karya Terjemahan	Kajian bertujuan	Kajian ini merupakan suatu	Termasuk karya-karya nadir yang dinyatakan adalah karya	Jurnal Usuluddin

	Hadis Abad ke-19: Penyelenggaraaan Teks Karya Nadir Hidāyat al-Mukhtār oleh Tuan Hasan Besut. (Amer Hudhaifah Hamzah & Ahmad Arifin Sapar, 2018)	membuktikan kenadiran dan keunikan karya Hidāyat al-Mukhtār oleh Tuan Hasan Besut pada abad ke-19 di samping menjalankan transliterasi teks terhadap karya tersebut.	bentuk kajian deskriptif yang menggunakan pendekatan analisis Kualitatif. Pengkaji menggunakan metode semakan automatik (auto finding) terhadap katalog-katalog digital Manuskrip Islam dengan bantuan perisian <i>al-Bāḥith fī al-Makhtūṭāt al-Islāmiyyah</i>) Manakala berkenaan penelitian tekstual, pengkaji bertanggungjawab melakukan alihan aksara Jawi kepada aksara Rumi dengan sistem ejaan terkini berdasarkan Kamus Dewan dengan rujukan khas terhadap <i>al-Mu'jam al-Wasīṭ</i> bagi maksud-maksud perkataan bahasa Arab.	<i>Hidāyat al-Mukhtār fī Faḍl Ṭalab al-'Ilm wa Faḍl Ṣāhibihi min Kalām Sayyid al-Akhyār</i> yang dihasilkan oleh Tuan Hasan Besut. Ini kerana ia berjaya mengharungi gelombang zaman dan badai permodenan, sehingga tampil menyelamatkan sebuah karya yang telah hilang yang ditulis oleh al-Ḥāfiẓ al-Mundhirī pada abad ke-7H/13M. Bagi mencapai objektif ini, pengkaji melihat hubungan erat yang signifikan antara ketiga-tiga karya Tuan Hasan Besut dalam membentuk suatu gagasan teori pendidikan dan psikologi milik beliau sendiri. Hal ini menjelaskan persoalan kenapa beliau begitu dihormati sebagai seorang pendidik ulung, “guru pertama” masyarakat Besut di zamannya.	
12	Ijazah Periwayatan Sanad Kitab Turath Ha Dis: Analisis <i>Al-Mawahib Al-Ilahiyyah Fi Al-Asanid Al 'Aliyyah</i> Karya Muhammad Salih Bin Uthman Jalalal-Din Al-Malayuwi Al-Makki (1928-2012M). (Farhah Zaidar Mohamed Ramli, 2019)	Makalah ini bertujuan untuk menganalisis rangkaian salasilah sanad kitab turath hadis yang diijazahkan oleh tokoh kepada ilmuwan Malaysia menerusi karya al-thabat beliau berjudul <i>Kitab al-Mawahib al-Ilahiyyah fi al-Asanid al-'Aliyyah</i> .	Data-data kajian dikumpulkan secara analisa kandungan serta dianalisis secara deskriptif. Data-data kajian dikumpulkan secara analisa kandungan terhadap karya tersebut. Analisis data dilakukan secara historikal dan deskriptif.	Dapatan menunjukkan tokoh dikenalpasti memiliki ijazah daripada 47 orang guru yang melayakkan beliau dilabelkan sebagai Musnid Malaysia. Tokoh memiliki ijazah periwayatan sanad terhadap <i>al-Muwatta', al kutub al-sittah, al-Awa'il al-Sunbuliyyah</i> dan hadis <i>al-rahmah al-musalsal al-awwaliyyah</i> . Guru riwayat utama tokoh adalah Syeikh Hassan Masysyat.	Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah

13	Metode Pengkaryaan Hadis Nusantara: Kajian Bibliometrik. (Mohd. Khafidz Soroni, 2019)	Para ulama hadis di sepanjang zaman telah menggunakan pelbagai metode pengkaryaan hadis. Meskipun demikian, budaya pengkaryaan hadis lewat sampai ke Nusantara sehingga abad ke-11H (17 M). Karya ulama Nusantara mengenai hadis hanya dimulai pada abad ke-17 M dengan munculnya karya Syeikh Nur al-Din al-Raniri dan karya Syeikh 'Abd al-Ra'uf al-Fansuri.	Melalui metode analisis dokumen kepustakaan, kajian ini memberi tumpuan terhadap karya hadis yang dihasilkan oleh ulama Nusantara di antara abad ke 17 M sehingga abad ke-20 M. Peninjauan dibuat terhadap aspek penyusunan kitab di antara tempoh tersebut bagi mengenal pasti metode pengkaryaan hadis di kalangan ulama Nusantara.	Ia membuktikan bahawa ilmu hadis di kalangan ulama Nusantara mempunyai perbagai variasi dan metodologi pengkaryaan. Ia tidak sekadar tertumpu kepada satu aspek semata mata, tetapi melibatkan perbagai aspek penyusunan seperti sirah, syarah hadis, pengumpulan hadis, fiqah hadis, sanad hadis, motivasi, juzuk hadis, mustalah hadis, status hadis dan juga kajian sanad meskipun kepelbagaian tersebut baru dilihat lebih rancak dalam kurun ke-20.	Prosiding 5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019)
14	Kaedah Penulisan Hadis Shaykh Ihsan Muhammad Dahlan al-Jampasi dalam kitab <i>Siraj al-Talibin</i> . (Muhammad Masruri, Shah Rul Anuar Nordin, Che Adenan Bin Mohammad, 2019)	Shaykh Ihsan Muhammad Dahlan al-Jampasi merupakan ulama Nusantara yang mempunyai karya yang sangat bernilai iaitu <i>Siraj Al-Talibin</i> .	Penulisan ini menggunakan metode analisis dokumen terhadap penulisan hadis beliau dalam kitab <i>Siraj Al-Talibin</i>	Pengkaji mendapati bahawa dalam syarahan Shaykh Ihsan Jampes terhadap kitab <i>Minhaj al Abidin</i> , beliau banyak menuturkan hadis-hadis sebagai huraian bagi pandangan-pandangan Imam al Ghazali. Beliau juga mengambil pandangan beberapa ulama tasawuf. Dalam penulisan hadis, beliau menggunakan beberapa kaedah yang berbeza-beza. Kaedah yang beliau gunakan adalah berasaskan kepada ilmu mustalah hadis, riwayat hadis dan ilmu tentang <i>takhrij</i> hadis.	Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences
15	Pengamal Sanad Kitab <i>Turath</i> Hadis Kontemporari Di Malaysia (Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Mohd. Khafidz Soroni, Zikmal Fuad,	Namun pengamal sanad kitab <i>turath</i> hadis di Malaysia masih kurang diperkenalkan dan jarang ditonjolkan. Justeru kajian ini bertujuan untuk mengkaji profil pengamal sanad kitab <i>turath</i> hadis	Data dikumpul menerusi metode analisis dokumen karya <i>thabat</i> dan temubual lapangan yang membabitkan seorang partisipan tempatan. Analisis data dilakukan secara deskriptif.	Dapatan menunjukkan partisipan memiliki rantaian sanad terhadap tujuh buah kitab induk hadis iaitu <i>kutub sittah</i> dan <i>muwatta'</i> . Rantaian sanad ini disebar di Malaysia menerusi sebuah karya <i>thabat</i> daripada jenis <i>awa'il</i> yg berjudul <i>Qurrah al'Ain bi Asanid Maulana Hussayn</i> .	Prosiding Persidangan Antarabangs a Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)

	2020)	di Malaysia.			
16	Ketokohan Al-Marbawi: Analisis Perkembangan Pengajian Ilmu Hadis. (Mohd Solleh Ab Razak & Roshimah Shamsudin, 2021)	Artikel ini bertujuan untuk mengkaji perkembangan pengajian al-Marbawi dalam mendalami ilmu hadis bermula dari kecil sehinggalah dewasa	Kajian berbentuk kualitatif dilaksanakan melalui kajian kepustakaan di samping kaedah analisis kandungan yang digunakan sepenuhnya dalam proses pengumpulan dan penganalisan data.	Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat dua fasa pengajian al-Marbawi dalam ilmu hadis iaitu fasa asas pengajian ketika beliau menuntut ilmu di Tanah Melayu, khususnya bersama Tuan Hussain Kedah dan juga fasa kedua yang merujuk kepada fasa kematangan pengajian iaitu ketika beliau berada di Mesir yang melibatkan pembelajaran ilmu secara formal di Universiti al Azhar serta secara tidak formal terutamanya melalui kitab Sahih Muslim dan Jami' al-Tirmidhi.	Journal al-'Abqari
17	Tokoh Ulama Melayu Nusantara Abad Ke-19: Syeikh Wan Ali Kutub Bin Abdul Rahman Al-Kalantan (Mohamad Fathi Mohd Yunus, Siti Noraeshah Zakaria, Muhammad Ahmed Al-Syurbani, 2021)	<i>Al-Jauhar Al-Mauhub Wa Munabbihat Al-Qulub</i> merupakan kitab hadis yang masyhur hasil karya daripada Syeikh Wan Ali bin Abdul Rahman Al-Kalantani syarah kepada Lubab al-Hadis. Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan ketokohan Syeikh Wan Ali bin Abdul Rahman al-Kalantani sebagai ulama melayu Nusantara khususnya dalam bidang hadis.	Artikel ini menganalisis dengan menggunakan rekabentuk kualitatif menggunakan metodologi kajian perpustakaan	Hasil kajian ini mendapati bahawa Syeikh Wan Ali al-Kalantani merupakan tokoh ulama Melayu yang banyak berjasa kepada masyarakat di Nusantara khususnya dalam bidang dakwah Islamiyah dan turut melahirkan tokoh ulama-ulama yang disegani oleh umat Islam di Tanah Melayu. Justeru, dengan kehadiran kitab hadis beliau inilah namanya diangkat menjadi seorang ulama yang ternama pada abad ke-19 dan banyak digunapakai oleh masyarakat Islam di Nusantara khususnya di Kelantan dan Thailand sebagai satu silibus penting dalam ilmu pengajian Islam.	Jurnal al-Sirat
18	Analisis Kaedah Penulisan Hadith oleh Hamka dalam Tafsir al-Azhar. (Imran Ab Rahim & Roshimah Shamsudin, 2022)	Banyak kajian yang telah dijalankan mengenainya namun lebih ke arah kajian dari perspektif tafsir. Perkara ini memberi indikasi bahawa kajian mengenai penulisan beliau dari aspek hadith	Kaedah pengumpulan data adalah berasaskan metode kepustakaan daripada sumber bertulis Tafsir al-Azhar. Keseluruhan data tersebut dianalisis berasaskan kaedah induktif dan deduktif.	Teks-teks hadithnya ditampilkan dalam lima bentuk penulisan iaitu aspek penulisan matan hadith, aspek terjemahan hadith, aspek pernyataan sumber hadith, aspek pernyataan status hadith dan aspek huraian serta penjelasan hadith. Berdasarkan semakan pengkaji, terdapat juga hadith da'if dan mawdu' pada juzuk enam dan tujuh dalam Tafsir	BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences

		agak terhadap, walaupun terdapat kajian berbentuk takhrij al-hadith.		al-Azhar, namun jumlah hadith-hadith yang berstatus sahih dan hasan adalah lebih banyak.	
19	Apresiasi Keilmuan Tuan Husin Kedah Terhadap Perkembangan Ilmu Hadis Di Tanah Melayu. (Mohd Ikram Mohd Nawi, Mohd Norzi Nasir & Mohd Asri Ishak, 2022)	Shaykh Husain Nasir Bin Muhammad Tayyib al-Mascudi al-Banjari masyhur dengan panggilan Tuan Husain Kedah, merupakan salah seorang ulama besar Kedah dan seluruh Tanah Melayu. Perbincangan adalah untuk membuktikan keilmuan Tuan Husain Kedah yang semestinya diwarisi daripada guru-guru termasuk dalam bidang hadis.	Kualitatif	Dapatan perbincangan telah berjaya dalam menyingkap keserjanaan Tuan Husain Kedah yang telah mendapat pendidikan yang berkualiti seterusnya telah melahirkan Tuan Husain Kedah yang dikenali sebagai salah seorang ulama yang disegani di Tanah Melayu. Idea-idea, buah fikiran dan karya-karya Tuan Husain Kedah menyerlahkan lagi ketokohan dan keahlian yang dimiliki oleh beliau dalam pelbagai disiplin ilmu. Nukilan-nukilan sumbangan Tuan Husain Kedah berkaitan bidang hadith membuktikan keilmuan beliau dalam bidang hadis yang diwarisi daripada guru-guru beliau.	Journal of Hadis Studies
20	Keistimewaan Kitab <i>Bahr Al-Mazi</i> Oleh Syekh Al-Marbawi-Satu Penilaian. (Prof Dr. Mohd Fauzi Mohd Amin, Dr Abdulloh Salaeh, Dr Amran Abdul Halim, Dr Nidzamuddin Zakaria, 2022)	Kertas ini akan mengenengahkan siapakah penyusun kitab ini, metode penulisan kitab ini dan keistimewaan kitab ini.	Penulisan ini berbentuk kajian perpustakaan dan merujuk kepada maklumat dalam laman web yang berkaitan	Kitab <i>Bahr Al-Mazi</i> karangan Muhammad Idris Al-Marbawi adalah kitab yang unggul, yang ditulis dalam Bahasa melayu tulisan jawi lama. Kitab ini menjadi rujukan untuk mengetahui hukum-hukum fiqh, taharah, munakahat, jinayat, ibadat, aqidah, perkara-perkara ghaib dan sebagainya. Bahasa yang digunakan mudah difahami, walaupun terdapat kalimah klasik yang susah difahami. Pengarang masih mengekalkan metodologi Imam Tirmizi dalam menghukumkan hadith. Beliau meringkaskan sanadnya dengan hanya menyebutkan nama Sahabat sahaja.	Prosiding The 8th International Prophetic Conference (SWAN 2022)
21	Manhaj Shaykh Nawawi Al-Banteni Dalam Mensyarahka	Kajian ini dilakukan untuk mengulas manhaj syarahan hadis dalam karya utama beliau iaitu	Kajian artikel ini menggunakan metodologi kualitatif. Pendekatan metode kepustakaan	Dalam kajian ini, penulis mendapati bahawa manhaj pensyarahan hadis yang digunakan oleh Shaykh Nawawi al-Banteni dalam kitab <i>Nasa'ih al-'Ibad</i> secara	Journal of Hadis Studies

	n Hadis- Hadis Kitab <i>Nasa'ih Al- 'Ibad.</i> (Arwansyah bin Kirin, Faisal Husen Ismail, Muhammad Ikram bin Abu Hassan, 2022)	<i>Nasa'ih al-'Ibad.</i> Ini bertujuan untuk melihat manhaj syarahan hadis pada zaman mereka ke atas sumbangan perkembangan ilmu hadis.	digunakan untuk menganalisis hasil karya Shaykh Nawawi al-Banteni terutama berkaitan analisis terhadap hadis-hadis yang terdapat dalam kitab <i>Nasa'ih al- 'Ibad.</i> Pengumpulan data adalah metode yang paling umum untuk mendapatkan data atau fakta yang berkaitan dengan subjek kajian ini.	amnya adalah menggunakan metode Ijmali. Dalam pengaplikasiannya beliau menggunakan teknik interpretasi tekstual melalui kaedah mensyarah hadis mengikut matan atau teks asal hadis, dan intertekstual melalui kaedah menjelaskan perbezaan matan hadis dalam syarah hadis, mensyarahkan hadis dengan hadis, mensyarahkan hadis dengan perkataan ulama dan mensyarahkan hadis dengan syair Arab.	
22	Penggunaan Hadis Berkaitan Munakahat Dalam Karya Penulisan Jawi Di Nusantara (Muhammad Faidz Mohd Fadzil, Abdul Qayyum Abdul Razak, Muaz Hj Mohd Noor, Mohd Zaid Mustafar, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz, 2022)	Kajian ini cuba menyoroti sejarah awal penulisan karya jawi dalam bidang munakahat yang mana telah menjadikan hadis sebagai dalil asas dalam perbahasan bidang ini.	Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis induktif dan deduktif serta analisis historis terhadap karya- karya lepas yang berkaitan.	Pengamatan awal terhadap karya-karya jawi yang berkaitan munakahat ini sebahagiannya telah memberi impak yang begitu besar kepada masyarakat kerana ia telah disampaikan menerusi kuliah-kuliah pengajaran dan sebahagian karya-karya ini telah dirumikan. Kesimpulannya, sumber penulisan karya jawi dalam bidang munakahat didapati agak terhad dari sudut bilangannya dan sebahagian besar karya berteraskan hadis sebagai dalil asas perbahasan	Jurnal Pengajian Islam
23	Pemikiran Hadith Abdul Hayei Abdul Sukor. (Monika @ Munirah binti Abd Razzak1 & Nik Mohd Zaim bin Ab Rahim, 2022)	Beliau banyak menyumbang pemikirannya dalam bidang hadith menerusi penulisannya. Beliau merupakan seorang yang aktif memberikan pandangan dan ulasan mengenai kefahamannya terhadap hadith. Artikel ini memaparkan pemikiran hadith Abdul Hayei	Untuk mendapatkan data, metode analisis isi kandungan digunakan, manakala analisis data pula metode induktif, deduktif dan komparatif digunakan. Analisis memfokuskan kepada ulasan terhadap pemikiran hadith Abdul Hayei Abdul Sukor dalam beberapa karyanya	Hasil analisis mendapati Abdul Hayei Abdul Sukor amat menitikberatkan penggunaan hadith-hadith sahih dalam berhujah. Beliau antara tokoh yang memperjuangkan penggunaan hadith yang tepat dan sahih di samping mengelakkan penggunaan hadith da'if dalam berhujah. Beliau juga tegas terhadap isu pengamalan hadith da'if dalam urusan fada'il a'mal yang mana tidak menjadikannya sebagai dasar pegangan pemikiran	Al-Basirah

		Abdul Sukor menerusi karya-karya yang dihasilkannya.	dari sudut riwayat al hadith, dirayah hadith dan sharh hadith	hadithnya.	
24	Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas dan Metode Penghujahannya dengan al-Sunnah dalam Kitab <i>Risalah fi Bayan Hukum al-Bay' wa al-Riba</i> . (Hasanulddin Mohd, Zurita Mohd Yusoff, Engku Ibrahim Engku Wok Zin, Mohd A' Tarahim Mohd Razali & Abdul Qahhar Ibrahim, 2022)	Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas ialah seorang ulama Fatani yang telah berhijrah dan menetap di. Karyanya yang berjudul <i>Risalah Fi Bayan Hukum Al-Bay' Wa Al-Riba</i> merupakan antara rujukan yang perlu diberikan perhatian dalam membicarakan fiqh muamalat, khasnya dalam bab jual beli, riba, dan mudharabah. Kajian akan cuba mengetengahkan biodata ringkas pengarang, sejarah penulisan kitab, isi kandungan dan analisis terhadap penghujahan pengarang dengan al-Sunnah di dalam kitab beliau.	Data dikumpul daripada tinjauan perpustakaan, metode dokumentasi, serta dianalisis menggunakan metode analisis kandungan	Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas telah berjaya mengemukakan dalil al-Sunnah sebagai salah satu sumber penghujahan beliau yang utama dalam kitab <i>Risalah Fi Bayan Hukum Al-Bay' Wa Al-Riba</i> . Terdapat pelbagai pendekatan yang digunakan oleh pengarang ketika membuat pendalilan ini. Bahkan, perbincangan tentang hadith menjadi lebih signifikan kerana ia mendasari sebahagian besar kitab tersebut. Metode yang digunakan pula dilihat daripada sudut-sudut yang berbeza memandangkan isu-isu yang diketengahkan adalah dari sudut yang berlainan, tetapi saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Walaupun terdapat status hadith yang sangat daif dan boleh dipertikaikan, ia biasanya tidak digunakan dalam menjelaskan hukum dan masih boleh dibuat penelitian dari semasa ke semasa.	BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences
25	Analisis Penghujahan Hadis <i>Fada'il Al-A' Mal</i> Syaykh Dawud Al-Fatani dalam Kitab <i>Jam'u Al-Fawa'id Wa Jawahir Al-Qala'id</i> . (Mohd Aizul bin Yaakob, Affuan bin Che Mansor, Mohamad Roshimi bin	Kitab <i>Jam'u al-Fawa'id wa Jawahir al-Qala'id</i> merupakan antara karya yang banyak menghimpunkan riwayat-riwayat mengenai <i>fada'il al-a'mal</i> . Dalam karya ini, Syaykh Dawud al-Fatani telah menjelaskan secara ringkas metode penghujahan	Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya dan melibatkan pengumpulan data melalui kajian perpustakaan. Data-data yang diperoleh akan dianalisis berdasarkan kepada kaedah induktif dan deduktif.	Dalam kajian ini mendapati bahawa metod penghujahan Syaykh Dawud al-Fatani dalam hadis <i>fada'il al-a'mal</i> adalah mengikuti metode ahli sufi. Keadaan ini sangat jelas apabila beliau dilihat menerima beberapa kaedah penghujahan ahli sufi iaitu antaranya seperti mimpi bertemu dengan Nabi SAW dan menerima pakai hadis yang batil. Kaedah ini dilihat bercanggah dengan metodologi yang telah dipraktikkan oleh sarjana hadis, sekaligus mendapat	Journal of Islam in Asia

	Abdullah, Mohd Zulhamdi bin Zainol Abidin, 2023)	beliau bagi hadis dalam kategori ini. Metode ini jika ditinjau secara eksplisit didapati ia berbeza dengan metode yang dipraktikkan oleh majoriti sarjana hadis.		kritikan dan ditolak oleh majoriti sarjana hadis.	
26	Analisis Terhadap Hadis Berkaitan Wanita dalam <i>Baḥr al-Mādhī</i> : Meneliti Konsep Emansipasi Wanita. (Nur Saadah Hamisan@K hair, Nor Aniza Mad Azeri, 2023)	Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis hadis-hadis berkaitan wanita yang terkandung di dalam <i>Baḥr al-Mādhī</i> serta mengkaji interpretasi penulis terhadap hadis hadis tersebut. Kajian ini juga meneliti konsep emansipasi wanita melalui hadis Nabawi kerana sejarah telah mencatatkan bahawa kedatangan Islam membawa perubahan yang positif dalam mempertahankan hak-hak wanita.	Sebagai kajian kualitatif, metode yang digunakan adalah tematik analisis dan analisis kandungan bagi mengumpul data serta menganalisis hadis berkaitan wanita	Dalam <i>Baḥr al-Mādhī</i> , al-Marbawi telah mensyarahkan 2783 hadis yang membincangkan pelbagai isu dan masalah, namun kajian ini hanya memfokuskan kepada 30 hadis berkaitan wanita dengan melihat semula status dan intipati kandungan hadis berdasarkan tema yang terpilih. Hasil kajian menemukan bahawa penulis memberi sumbangan dalam memperkasa dan menyokong hak-hak wanita sama ada secara halus mahupun jelas dengan menjadikan Islam, iman, dan ihsan sebagai asas pembangunan insan. Kandungan kitab ini mengangkat konsep emansipasi wanita sama ada secara halus mahupun jelas dengan menjadikan Islam, iman, dan ihsan sebagai asas pembangunan insan.	Journal Hadis
27	<i>Kitab Nasa'ih Al-'Ibad Dan Tanqih Al-Qaul</i> Oleh Syaikh Nawawi Al-Bantani: Kajian Perbandingan Terhadap Metode Penulisan Hadis. (Arwansyah bin Kirin, Shakila binti Ahmad, Muhammad	<i>Kitab Nasa'ih al-'Ibad dan Tanqih al-Qaul</i> . Namun dalam analisis penulis terhadap metode penulisan hadis melalui kedua kitab ini, beliau tidak mencantumkan sanad dengan lengkap. Justeru kajian ini dilakukan untuk mengulas metode penulisan hadis dalam karya utama beliau iaitu	Kajian artikel ini menggunakan metodologi kualitatif. Pendekatan metode kepustakaan digunakan untuk menganalisis hasil karya Shaykh Nawawi al-Bantani terutama berkaitan analisis terhadap hadis hadis yang terdapat dalam kitab <i>Nasa'ih al-'Ibad dan Tanqih al-Qaul</i> . Pengumpulan data	Dalam kajian ini, metodologi penulisan hadis yang digunakan oleh shaykh Nawawi al-Bantani dalam kitab <i>Nasa'ih al-'Ibad dan Tanqih al-Qaul</i> adalah beragam sehingga terdapat beberapa persamaan mahupun berbezaan di antara kedua kitab. Penggunaan pelbagai metodologi yang dilakukan oleh Shaykh Nawawi al-Bantani ini menunjukkan bahawa beliau memiliki kepakaran dalam ilmu hadis, walaupun dalam karyanya tidak memperlihatkan metode	Journal of Hadith Studies

Masruri, Siti Marpuah, Faisal Husen Ismail, Nor Shela Saleh, (2023)

kitab Nasa'ih al-'Ibad dan Tanqih al-Qaul. Kajian Seterusnya akan dibuat perbandingan metode penulisan hadis daripada kedua-dua kitab tersebut.

adalah metode yang paling umum untuk mendapatkan data atau fakta yang berkaitan dengan subjek kajian ini.

penulisan hadis secara khusus, tidak bermaksud beliau tidak mempunyai kepakaran dalam ilmu hadis. Sebaliknya, kajian ini menunjukkan bahawa beliau memiliki pengetahuan dan kepakaran dalam bidang hadis walaupun tidak setanding dengan ulama hadis ternama.

4. Perbincangan


Berdasarkan kepada 27 artikel yang dipilih, kajian telah mengenalpasti tujuh tema penting dalam kajian penulisan hadis di Nusantara iaitu; 1) sejarah perkembangan karya hadis, 2) metodologi penulisan hadis / mustalah hadis 3) syarah hadis / fiqh hadis 4) terjemahan 5) tokoh dan 6) sanad hadis. Jadual 2 di bawah menunjukkan pengkelaskan artikel mengikut tujuh tema tersebut:

Jadual 2: Tema perbincangan artikel

Bil	Artikel	Sejarah perkembangan karya hadis	Metodologi penulisan hadis / mustalah	Syarah hadis / fiqh hadis	Terjemahan	Tokoh	Sanad hadis
1	Rosni Wazir, 2014	x					
2	Rosni Wazir et. al., 2015	x	x				
3	Nur Hidayu Jamalluddin & Faisal Ahmad Shah, 2015			x		x	
4	Wahyu Hidayat Abdullah et. al., 2017		x			x	
5	Nur Sakinah binti Mohd Yassin et. al., 2017		x			x	
6	Faisal @ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid & Mohd Puaad Bin Abdul Malik, 2017		x			x	
7	Siti Zahidah Kosran et. al., 2017				x		
8	Ahmad Levi Fachrul Avivy, 2018	x					
9	Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, 2018		x			x	
10	Farhah Zaidar Mohamed Ramli & Siti Zaharah Abdul Hamid,					x	x

2018				
11	Amer Hudhaifah Hamzah & Ahmad Arifin Sapar, 2018	x	x	
12	Farhah Zaidar Mohamed Ramli, 2019		x	x
13	Mohd. Khafidz Soroni, 2019	x		
14	Muhammad Masruri et. al., 2019	x	x	
15	Farhah Zaidar Mohamed Ramli et. al., 2020			x
16	Mohd Solleh Ab Razak & Roshimah Shamsudin, 2021		x	
17	Mohamad Fathi Mohd Yunos et. al., 2021	x	x	
18	Imran Ab Rahim & Roshimah Shamsudin, 2022	x	x	
19	Mohd Ikram Mohd Nawi et. al., 2022		x	
20	Mohd Fauzi Mohd Amin et. al., 2022	x	x	
21	Arwansyah bin Kirin et. al., 2022		x	x
22	Muhammad Faiz x Mohd Fadzil et. al., 2022		x	
23	Monika @ Munirah binti Abd Razzak1 & Nik Mohd Zaim bin Ab Rahim, 2022		x	
24	Hasanulddin Mohd et. al., 2022	x	x	
25	Mohd Aizul bin Yaakob et. al., 2023	x	x	
26	Nur Saadah Hamisan@Khair & Nor Aniza Mad Azeri, 2023	x		
27	Arwansyah bin Kirin, et. al., 2023	x	x	

Rajah 1: Graf jumlah artikel mengikut tema



Kesemua artikel-artikel yang dipilih telah diklasifikasikan mengikut tema yang bersesuaian dan kajian juga telah mendapati terdapat beberapa artikel yang menepati dua atau lebih daripada satu tema yang dikeluarkan. Secara keseluruhan juga terdapat 17 artikel yang menepati 2 atau lebih daripada tema yang diklasifikasikan. Berdasarkan kepada jadual 2 dan rajah 1, kekerapan bagi tema tokoh adalah paling tinggi iaitu sebanyak 19 artikel. Manakala kekerapan bagi tema metodologi penulisan hadis / mustalah hadis adalah sebanyak 13 artikel, kekerapan bagi tema sejarah perkembangan hadis adalah sebanyak 4 artikel dan kekerapan bagi tema syarah hadis / fiqh hadis, tema terjemahan, tema sanad hadis masing-masing sebanyak 3 artikel. Oleh itu, kajian akan membentangkan kajian tentang penulisan hadis di Nusantara berdasarkan tema yang paling banyak disentuh mengikut urutan seperti berikut.

Tema 1: Tokoh Hadis

Terdapat pelbagai kajian dan penulisan berkaitan tokoh hadis Nusantara di Malaysia. Kebanyakan artikel-artikel berkaitan tokoh hadis menepati dua tema dengan 18 artikel manakala baki 3 artikel hanya melibatkan tema tokoh sahaja. Artikel berkaitan tokoh menyingkap sumbangan dan jasa tokoh dalam bidang hadis di Nusantara secara umum tanpa membincang atau meneliti sesuatu karya tokoh seperti ketokohan al-Marbawi (Mohd Solleh Ab Razak & Roshimah Shamsudin, 2021) dan Tuan Hussin Kedah (Mohd Ikram Mohd Nawawi et. al., 2022), manakala hanya satu artikel meneliti berkaitan pemikiran tokoh hadis iaitu pemikiran Dr. Abd Hayei (Monika @ Munirah binti Abd Razzak & Nik Mohd Zaim bin Ab Rahim, 2022). Kebanyakan artikel berkaitan tokoh yang menepati tema-tema lain adalah seperti metodologi penulisan hadis / mustalah hadis, syarah hadis, fiqh hadis, terjemahan dan sanad hadis.

Tokoh-tokoh yang dibahas dalam kesemua artikel boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu berdasarkan zaman dan asal usul. Tokoh-tokoh hadis yang dibahas dalam artikel-artikel ini bermula pada kurun ke 19 M iaitu, Tuan Hasan Besut (1740 M-1863 M), Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas (1793 M-1864 M), Shaykh Daud al-Fatani (1718 M-1879 M) dan Shaykh Nawawi al-Banteni (1814 M-1897 M); kurun ke 20 M iaitu Ahmad al-Fatani (1856 M-1908 M), Shaykh Wan Ali Kutan Bin Abdul Rahman al-Kalantani (1837M-1913M), Syeikh Muhammad Mahfuz Al-Tarmasi (1868 M-1920 M), Tuan Husin Kedah (1863 M-1936 M), Shaykh Ihsan Muhammad Dahlan al-Jampasi (1901 M-1952 M), Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin (1869 M-1956 M), Abdul Aziz Salam (1902 M-1978 M), Abdul Halim al-Hadi (1904 M-1981 M), Hamka (1908 M-1981 M), Mahmud Yunus (1899 M-1983 M) dan Shaykh al-Marbawi (1896 M-1989 M); dan yang terkini pada kurun ke 21 M iaitu Muhammad Salih Bin Uthman Jalalal-Din al-Malayuwi al-Makki (1928 M-2012 M) dan Abdul Hayei Abdul Sukor (1947 M-2020 M). Pembahagian tokoh-tokoh mengikut zaman adalah 4 orang pada kurun ke 19 M, 11 orang pada ke 20 M dan 2 orang pada kurun ke 21 M. Merujuk kepada tarikh lahir dan kematian

tokoh-tokoh hadis serta pengembaraan dalam menuntut ilmu dapat disimpulkan bahawa kebanyakan tokoh-tokoh ini berjumpa dan berguru dengan guru yang sama serta berguru sesama sendiri terutama ketika di Mekah. Ahmad Levi Fachrul Avivy (2018) juga membuktikan adanya ketersambungan sanad keilmuan antara para ulama Nusantara dalam kalangan mereka sehingga membentuk satu jaringan keilmuan.

Pembahagian tokoh-tokoh hadis mengikut asal usul pula boleh dipecahkan mengikut negara yang wujud pada hari ini. Asal usul melihat kepada tempat kelahiran tokoh, asal keluarga tokoh dan tempat terakhir tokoh menetap. Dapatan menunjukkan 9 orang tokoh dari negara Malaysia iaitu Tuan Hasan Besut, Shaykh Abdul Qadir Bukit Bayas, Shaykh Wan Ali Kutan Bin Abdul Rahman Al-Kalantani, Tuan Husin Kedah, Abdul Aziz Salam, Abdul Halim al-Hadi, Shaykh al-Marbawi, Muhammad Salih Bin Uthman Jalalal-Din al-Malayuwi al-Makki dan Abdul Hayei Abdul Sukor; 6 orang dari negara Indonesia iaitu Shaykh Nawawi al-Banteni, Shaykh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi, Shaykh Ihsan Muhammad Dahlan al-Jampasi, Hamka, Shaykh Muhammad Tahir Jalaluddin, Mahmud Yunus; dan 2 orang dari negara Thailand iaitu Shaykh Daud al-Fatani dan Ahmad al-Fatani.

Tema 2: Metodologi penulisan hadis / mustalah hadis

Metodologi penulisan hadis merangkumi metodologi penulisan hadis dalam kitab-kitab yang dikarang oleh tokoh-tokoh hadis sendiri, metodologi penulisan mustalah hadis dan metodologi penghujahan hadis. Secara umumnya, metodologi penulisan hadis dalam karya-karya tokoh hadis mendahulukan hadis yang *maqbul* dari rujukan muktabar seperti Abdul Aziz Salam dalam al-Bayan pada Ta'wil Ayat-ayat al-Quran (Wahyu Hidayat Abdullah et. al., 2017), menggunakan beberapa kaedah yang berbeza-beza berasaskan kepada ilmu mustalah hadis, riwayat hadis dan ilmu tentang *takhrīj* hadis (Muhammad Masruri et. al., 2019) Namun, terdapat juga sejumlah kecil hadis *da'if* dan *mawdu'* yang terdapat dalam Tafsir al-Azhar (Imran Ab Rahim & Roshimah Shamsudin, 2022). Manakala metodologi penulisan mustalah hadis hanyalah Mahmud Yunus dalam karyanya Ilmu Mustalah al-Hadith. Seterusnya, dapat dirumuskan bahawa metodologi penghujahan hadis Shaykh Dawud al-Fatani terhadap hadis *faḍā'il al-'amal* dalam kitab *Jam'u Al-Fawā'id Wa Jawāhir Al-Qalā'id* adalah mengikuti metode ahli sufi apabila beliau dilihat menerima beberapa kaedah penghujahan ahli sufi iaitu antaranya seperti mimpi bertemu dengan Nabi SAW dan menerima pakai hadis yang batil. Kaedah ini dilihat bercanggah dengan metodologi yang telah dipraktikkan oleh sarjana hadis, sekaligus mendapat kritikan dan ditolak oleh majoriti sarjana hadis (Mohd Aizul bin Yaakob et. al., 2023) manakala metodologi penghujahan Shaykh Abdul Qadir Bukit Bayas dalam kitab *Risālah fī Bayān Ḥukm al-Bay' wa al-Ribā* didapati walaupun terdapat status hadis yang sangat *da'if* dan boleh dipertikaikan, ia biasanya tidak digunakan dalam menjelaskan hukum dan masih boleh dibuat penelitian dari semasa ke semasa (Hasanulddin Mohd et. al., 2022). Metodologi penulisan tidak sekadar tertumpu kepada satu aspek semata mata, tetapi melibatkan perbagai aspek penyusunan seperti sirah, syarah hadis, pengumpulan hadis, fiqah hadis, sanad hadis, motivasi, juzuk hadis, mustalah hadis, status hadis dan juga kajian sanad (Mohd. Khafidz Soroni, 2019).

Kajian ini menunjukkan bahawa metodologi penulisan hadis oleh tokoh-tokoh Nusantara merangkumi pelbagai pendekatan, termasuk penulisan hadis dalam kitab, mustalah hadis, dan penghujahan hadis. Umumnya, mereka mengutamakan hadis *maqbul* daripada sumber muktabar, namun terdapat juga penggunaan hadis *da'if* dan *mawdu'* dalam sebahagian karya. Metodologi mustalah hadis hanya dikesan dalam karya Mahmud Yunus, manakala metodologi penghujahan hadis pula berbeza-beza, termasuk pendekatan ahli sufi seperti Shaykh Dawud al-Fatani yang mendapat kritikan sarjana hadis. Pendekatan penulisan turut melibatkan pelbagai aspek lain seperti syarah, fiqah, sanad, dan status hadis.

Tema 3: Sejarah perkembangan karya hadis Nusantara

Sejarah perkembangan hadis di Nusantara menyaksikan pada pertengahan kurun ke 17 M, karya hadis yang pertama sekali dihasilkan iaitu *al-Fawā'id al-Bahiyyah* oleh Shaykh Nur al-Din al-Raniri dan diikuti oleh *Sharḥ al-Laṭīf* oleh 'Abd al-Rauf al-Fansuri yang dinobatkan sebagai karya *sharḥ al-Arba'īn al-Nawawīyyah* dalam bahasa Melayu yang pertama sekali dihasilkan. Pada kurun ke 19 M, penulisan karya-karya hadis berkembang pesat selari dengan perkembangan teknologi penerbitan yang melahirkan syarikat-syarikat penerbitan berpusat di Alam Melayu sendiri serta kemunculan pondok-pondok, madrasah, pesantren, pengajian di masjid dan surau di serata tempat yang menjadikan karya-karya ini sebagai teks utama (Rosni Wazir, 2014; Ahmad Levi Fachrul Avivy, 2018). Karya hadis 40 al-Nawawi mendapat tempat di Nusantara apabila sebahagian besar penulis lebih cenderung untuk membuat huraian terhadap karya terkenal ini berbanding membuat himpunan 40 buah hadisnya sendiri. (Rosni Wazir et. al., 2015). Selaras dengan itu,

tulisan Jawi menjadi bahasa ilmu dan sebagai alat terjemahan karya hadis daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu (Siti Zahidah Kosran et. al., 2017).

Perkembangan hadis di Nusantara bermula sejak kurun ke-17 dengan penghasilan karya awal seperti *al-Fawā'id al-Bahiyyah* dan *Sharḥ al-Laṭīf*. Menjelang kurun ke-19, penulisan hadis berkembang pesat hasil kemajuan penerbitan dan institusi pendidikan Islam. Karya *Hadis 40 al-Nawawi* mendapat perhatian meluas, manakala tulisan Jawi digunakan sebagai medium utama dalam penterjemahan dan penyebaran ilmu hadis.

Tema 4: Syarah hadis / fiqh hadis

Secara umumnya, tokoh hadis Nusantara yang mensyarah hadis-hadis atau mengeluarkan hukum dalam karya mereka adalah dengan ringkas sahaja. Hal ini dapat dilihat dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* Bahasa Melayu oleh Abdul Halim al-Hadi (Nur Hidayu Jamalluddin & Faisal Ahmad Shah, 2015), Shaykh Nawawi al-Banteni dalam kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* (Arwansyah bin Kirin et. al., 2022) dan dalam *Baḥr al-Mādḥī* karya Shaykh al-Marbawī yang telah mensyarahkan 2783 hadis yang membincangkan pelbagai isu dan masalah (Nur Saadah Hamisan@Khair & Nor Aniza Mad Azeri, 2023).

Tema 5: Terjemahan

Penulisan-penulisan hadis terjemahan bertulisan Jawi seperti karya *Hidāyat al Mukhtār fī Faḍl Ṭalab al-'Ilm wa Faḍl Ṣaḥībihi min Kalām Sayyid al-Akhyār* oleh Tuan Hasan Besut membantu memudahkan lagi proses keilmuan dan pembentukan pemikiran Islam dalam kalangan masyarakat Nusantara. Tulisan Jawi berjaya menjadi bahasa ilmu dan sebagai alat terjemahan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu. (Siti Zahidah Kosran et. al., 2017). Impak tulisan Jawi kepada masyarakat sangat besar kerana ia telah disampaikan menerusi kuliah-kuliah pengajaran (Muhammad Faiz Mohd Fadzil et. al., 2022).

Tema 6: Sanad hadis

Tokoh hadis Nusantara juga aktif dalam mendapatkan sanad hadis yang diterima terutama sanad kitab-kitab hadis utama seperti Shaykh Muhammad Mahfuz bin Abdullah bin Abdul Mannan al-Tarmasi merupakan tokoh *al-musnid* Melayu Nusantara terbilang abad 20 M dan tokoh ini meriwayatkan salasilah sanad *al-kutub al-sittah* daripada tiga orang guru berantailah sehingga sampai kepada penyusun asal karya-karya tersebut iaitu kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim* dan *Sunan Ibn Mājah* (Farhah Zaidar Mohamed Ramli & Siti Zaharah Abdul Hamid, 2018). Kajian terkini menunjukkan Muhammad Salih Bin Uthman Jalalal-Din al-Malayuwi al-Makki dikenalpasti memiliki ijazah daripada 47 orang guru yang mengijazahkan sanad terhadap *al-Muwaṭṭa'*, *al-kutub al-sittah*, *al-Awā'il al-Sunbuliyyah* dan hadis *al-raḥmah al-musalsal al-awwaliyyah* yang melayakkannya dilabelkan sebagai Musnid Malaysia (Farhah Zaidar Mohamed Ramli, 2019).

5. Kesimpulan

Perkembangan hadis di Nusantara bermula abad ke-17 dan pesat pada abad ke-19 dengan sokongan penerbitan dan institusi pendidikan. Karya *Hadis 40 al-Nawawi* menjadi popular manakala tulisan Jawi menjadi medium utama penyebaran ilmu. Penulisan hadis terjemahan dalam tulisan Jawi memainkan peranan penting dalam penyebaran ilmu dan pembentukan pemikiran Islam di Nusantara, serta berfungsi sebagai medium terjemahan Arab-Melayu yang berkesan melalui pengajaran dan kuliah. Penulisan berkaitan hadis Nusantara di Malaysia masih subur pada masa kini. Berdasarkan analisis sistematik yang telah dilakukan, kajian telah mendapati terdapat enam tema penting dalam penulisan hadis di Nusantara iaitu; 1) sejarah perkembangan karya hadis, 2) metodologi penulisan hadis / mustalah hadis 3) syarah hadis / fiqh hadis 4) terjemahan 5) tokoh dan 6) sanad hadis. Kajian mendapati penulisan tentang tokoh hadis Nusantara di Malaysia meliputi pelbagai tema, terutamanya sumbangan umum tokoh dan metodologi penulisan hadis. Tokoh-tokoh yang dikaji berasal dari Malaysia, Indonesia dan Thailand, merangkumi abad ke-19 hingga ke-21. Kajian turut menunjukkan wujudnya jaringan keilmuan yang kukuh antara tokoh-tokoh ini, terutama melalui hubungan guru dan murid di Mekah. Kajian mendapati tema berkaitan tokoh hadis Nusantara dan metodologi penulisan hadis / mustalah lebih dominan berbanding dengan tema-tema lain. Kajian juga mendapati metodologi penulisan hadis tokoh Nusantara merangkumi pelbagai pendekatan seperti mustalah, penghujahan dan penyusunan hadis. Umumnya, mereka mengutamakan hadis sahih, namun ada juga yang menggunakan hadis *ḍa'īf*. Pendekatan berbeza seperti metode ahli sufi turut digunakan, walaupun ada yang dikritik sarjana hadis. Secara umum, tokoh hadis Nusantara mensyarah dan mengeluarkan hukum dalam karya mereka secara ringkas, seperti yang ditunjukkan



dalam karya Abdul Halim al-Hadi, Shaykh Nawawi al-Banteni dan Shaykh al-Marbawi. Kesimpulannya penulisan berkaitan penulisan hadis Nusantara di Malaysia masih diminati dan dikaji serta masih relevan pada masa kini dengan menonjolkan karya atau tokoh kontemporari di Malaysia atau Nusantara secara umum.

Rujukan

- Ahmad Levi Fachrul Avivy (2018). Jaringan Keilmuan Hadis Dan Karya-Karya Hadis Di Nusantara. *Journal Hadis*. Vol. 8, No. 16.
- Amer Hudhaifah Hamzah & Ahmad Arifin Sapar (2018). Karya Terjemahan Hadis Abad ke-19: Penyelenggaraan Teks Karya Nadir Hidāyat al-Mukhtār oleh Tuan Hasan Besut. *Jurnal Usuluddin* 46 (2).
- Arbaiah Abdul Razak, Suhaimi Mhd. Sarif & Yusof Ismail (2022). Islamic Leadership for Sustainability: A Systematic Literature Review Using PRISMA. *Online Journal of Islamic Management and Finance*. Vol 2, No 22.
- Arwansyah bin Kirin, Faisal Husen Ismail, Muhammad Ikram bin Abu Hassan (2022). Manhaj Shaykh Nawawi Al-Banteni Dalam Menyarahkan Hadis-Hadis Kitab Nasa'ih Al-'Ibad. *Journal of Hadith Studies*. Vol 7. No. 1.
- Arwansyah bin Kirin, Shakila binti Ahmad, Muhammad Masruri, Siti Marpuah, Faisal Husen Ismail, Nor Shela Saleh (2023). Kitab Nasa'ih Al-'Ibad Dan Tanqih Al-Qaul Oleh Syaikh Nawawi Al-Bantani: Kajian Perbandingan Terhadap Metode Penulisan Hadis. *Journal of Hadith Studies*. Vol 8. No. 1.
- Budiarto Tedja, Mochammad Al Musadieq, Andriani Kusumawati & Edy Yulianto (2024). Systematic Literature Review Using PRISMA: Exploring The Influence of Service Quality and Perceived Value on Satisfaction and Intention to Continue Relationship. *Future Business Journal*. (2024) 10:39.
- Farhah Zaidar Mohamed Ramli & Siti Zaharah Abdul Hamid (2018). Salasilah Sanad Al-Kutub Al-Sittah Tokoh Al-Musnid Melayu Nusantara Syeikh Muhammad Mahfuz Al-Tarmasi (1868-1920m). Prosiding 4th International Conference on Islamiyyat Studies 2018.
- Farhah Zaidar Mohamed Ramli (2019). Ijazah Perwayatan Sanad Kitab Turath Ha Dis: Analisis Al-Mawahib Al-Ilahiyyah Fi Al-Asanid Al 'Aliyyah Karya Muhammad Salih Bin Uthman Jalalal-Din Al-Malayuwi Al-Makki (1928-2012M). *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*. Vol. 15, No. 1.
- Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Mohd. Khafidz Soroni & Zikmal Fuad (2020). Pengamal Sanad Kitab Turath Hadis Kontemporari Di Malaysia. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020).
- Hasanulddin Mohd, Zurita Mohd Yusoff, Engku Ibrahim Engku Wok Zin, Mohd A' Tarahim Mohd Razali & Abdul Qahhar Ibrahim (2022). Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas dan Metode Penghujahannya dengan al-Sunnah dalam Kitab Risalah fi Bayan Hukm al-Bay' wa al-Riba. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. Volume 5, Issue 4.
- Imran Ab Rahim & Roshimah Shamsudin (2022). Analisis Kaedah Penulisan Hadith oleh Hamka dalam Tafsir al-Azhar. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. Volume 5, Issue 2.
- Mohamad Fathi Mohd Yunos, Siti Noraeshah Zakaria & Muhammad Ahmed Al-Syurbani (2021). Tokoh Ulama Melayu Nusantara Abad Ke-19: Syeikh Wan Ali Kutan Bin Abdul Rahman Al-Kalantani. *Jurnal al-Sirat*. Bil 19. Vol 2.
- Mohd Aizul bin Yaakob, Affuan bin Che Mansor, Mohamad Roshimi bin Abdullah, Mohd Zulhamdi bin Zainol Abidin (2023). Analisis Penghujahan Hadis Fada'il Al-A'Mal Syaykh Dawud Al-Fatani dalam Kitab Jam'U Al-Fawa'id Wa Jawahir Al-Qala'id. *Journal of Islam in Asia*. Special Issue, Vol. 20, No. 1.
- Mohd Fauzi Mohd Amin, Abdulloh Salaeh, Amran Abdul Halim, Nidzamuddin Zakaria (2022). Keistimewaan Kitab Bahr Al-Mazi Oleh Syeikh Al-Marbawi- Satu Penilaian. Proceeding The 8th International Prophetic Conference (SWAN 2022).
- Mohd Ikram Mohd Nawi, Mohd Norzi Nasir & Mohd Asri Ishak (2022). Apresiasi Keilmuan Tuan Husin Kedah Terhadap Perkembangan Ilmu Hadis Di Tanah Melayu. *Journal Hadis*. Vol 13, No. 24.
- Mohd. Khafidz Soroni (2019). Metode Pengkaryaan Hadis Nusantara: Kajian Bibliometrik. Prosiding 5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019).
- Mohd Solleh Ab Razak & Roshimah Shamsudin (2021). Ketokohan Al-Marbawi: Analisis Perkembangan Pengajian Ilmu Hadis. *Journal al-'Abqari*. Vol. 25 (1).
- Monika @ Munirah binti Abd Razzak & Nik Mohd Zaim bin Ab Rahim (2022). Pemikiran Hadith Abdul Hayei Abdul Sukor. *Al-Basirah*. Volume 12, No 1, pp. 13-24.



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.jurnalhadis@kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 15, No. 29 (JUNE 2025)

- Muhammad Faizd Mohd Fadzil, Abdul Qayyum Abdul Razak, Muaz Hj Mohd Noor, Mohd Zaid Mustafar & Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz (2022). Penggunaan Hadis Berkaitan Munakahat Dalam Karya Penulisan Jawi Di Nusantara. *Jurnal Pengajian Islam*. Vol 15.
- Muhammad Masruri, Shah Rul Anuar Nordin, Che Adenan Bin Mohammad (2019). Kaedah Penulisan Hadis Shaykh Ihsan Muhammad Dahlan al Jampasi dalam kitab Siraj al-Talibin. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*. 17, Issue 1.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif (2018). Peranan dan Sumbangan Mahmud Yunus (m. 1983) dalam Ilmu Mustalah al-Hadith di Alam Melayu. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Vol 5 Bil 1.
- Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman, Zuliskandar Ramli, Mohamad Zain Musa & Adnan Jusoh (2011). Alam Melayu Satu Pengenalan. Universiti Kebangsaan Malaysia: Institut Alam Dan Tamadun (ATMA).
- Nur Hidayu Jamalluddin & Faisal Ahmad Shah (2015). Fiqh al-Hadīth Abdul Halim al-Hadi dan Sumbangannya dalam Bidang Hadith: Tumpuan kepada Kitab Ilhām al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu. *Jurnal Usuluddin* 41.
- Nur Saadah Hamisan@Khair, Nor Aniza Mad Azeri (2023). Analisis Terhadap Hadis Berkaitan Wanita dalam Baḥr al-Mādhī: Meneliti Konsep Emansipasi Wanita. *Journal of Hadith Studies*. Vol 13. No. 25.
- Nur Sakinah binti Mohd Yassin, Mohd Muhiden Abdul Rahman, Mohd Alwee Yusoff (2017). Analisis Penulisan Hadis dalam Kitab Jawi: Kajian Terhadap Kitab Bisharah al-Amilin wa Nadharat al-Ghafilin Karya Ahmad al-Fatani. *Al-Basirah*. Volume 7, No 1, pp. 25-38.
- Rosni Wazir. (2014). Sorotan Terhadap Perkembangan Karya-Karya Islam Dan Hadis Di Nusantara. Prosiding Seminar Serantau Peradaban Dan Pemikiran Islam (RECIT 2014).
- Rosni Wazir Mohd. Khafidz Soroni Suriani Sudi (2015). Penulisan Dan Pengumpulan Karya Hadis 40 Oleh Ulama Alam Melayu. Prosiding Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2015 (PANTUMN 2015).
- Siti Zahidah Kosran, Latifah Abdul Majid & Ahamad Asmadi Sakat (2017). Peranan Tulisan Jawi Dalam Penulisan Hadith Di Nusantara. *Jurnal al-Turath*. Vol. 2, No. 2.
- Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Mustaqim Mohd Zarif & Mohamad Rozaimi Ramle (2017). Metodologi Hadis dalam Karya Al-Bayan Pada Ta'wil Ayat-Ayat Al-Quran Karangan Abdul Aziz Salam. *Jurnal Perspektif*: Special Issue 1.